

D.R. 34/2017

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Perbadanan Harta Intelekt Malaysia 2002.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perbadanan Harta Intelekt Malaysia (Pindaan) 2017.

Seksyen baharu 35A

2. Akta Perbadanan Harta Intelekt Malaysia 2002 [*Akta 617*] dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 35 seksyen yang berikut:

“Kuasa untuk menubuhkan syarikat

35A. Perbadanan boleh, dengan kelulusan Menteri dan Menteri Kewangan, menubuhkan syarikat di bawah

Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*] untuk menjalankan dan bertanggungjawab ke atas, mengelolakan dan menguruskan apa-apa aktiviti, projek atau inisiatif yang telah dirancang atau diusahakan oleh Perbadanan dalam pelaksanaan fungsinya di bawah perenggan 17(*e*), (*f*) atau (*i*).”.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Perbadanan Harta Intelek Malaysia 2002 (“Akta 617”).

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas Akta yang dicadangkan.
3. *Fasal 2* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 35A untuk memberi Perbadanan kuasa untuk menubuhkan syarikat di bawah Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*], tertakluk kepada kelulusan Menteri dan Menteri Kewangan, untuk menjalankan dan bertanggungjawab ke atas, mengelolakan dan menguruskan apa-apa aktiviti, projek atau inisiatif yang telah dirancang atau diusahakan oleh Perbadanan dalam pelaksanaan fungsinya di bawah perenggan 17(*e*), (*f*) atau (*i*) Akta 617. Ini akan membolehkan Perbadanan mempelbagaikan aktiviti dan menjana pendapatan.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U2)3050]